

28 AUG 2000

Khalil-PAS

PAS PUTARBELIT KENYATAAN UNTUK RAIH SOKONGAN, KATA KHALIL

KUALA TERENGGANU, 28 Ogos (Bernama) -- PAS sanggup memutarbelit kenyataan serta menutup telinga penyokongnya daripada mendengar penjelasan kerajaan berhubung beberapa isu semata-mata untuk mendapatkan sokongan, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Sebagai contoh, katanya, PAS menuduh kerajaan dan Umno bersandiwara berhubung isu rompak senjata tentera di Gerik dan mengenai tuntutan beberapa persatuan Cina agar hak istimewa Melayu dimansuhkan, sedangkan parti itulah yang sebenarnya bersandiwara kerana bekerjasama dengan parti bukan Islam seperti DAP.

"Dulu dia kata kita (Umno) kurang Islam sebab bergabung dengan parti bukan Islam sebaliknya kini mereka pula mengadakan hubungan dengan DAP. Dia (PAS) kena nilai semula kedudukannya sebagai parti Islam," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog dengan kakitangan Jabatan Penerangan dan Penyiaran di RTM Kuala Terengganu hari ini.

Khalil berkata kerajaan akan mendapatkan khidmat beberapa ulama untuk memberi penerangan kepada rakyat mengenai pelbagai isu yang dibangkitkan oleh PAS terutama dalam isu kafir-mengkafir supaya rakyat tidak terpengaruh dengan fitnah dan dakyah PAS.

Mengenai isu pembayaran royalti minyak oleh Petronas kepada Terengganu, beliau berkata perkara itu akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Katanya perkara itu telah dibincangkan dengan meneliti beberapa sudut termasuk permintaan daripada negeri-negeri lain serta perjanjian seperti yang dimaksudkan oleh kerajaan PAS Terengganu.

Hakikatnya, kata Khalil, ialah sumber minyak berada di kawasan perairan nasional dan pemberian royalti kepada Terengganu dibuat memandangkan negeri itu dahulu merupakan negeri termiskin serta memerlukan bantuan maksimum daripada kerajaan pusat.

"Kerajaan Barisan Nasional lepas terutama Menteri Besarnya Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad telah banyak membawa pembangunan yang lebih baik lagi daripada beberapa buah negeri, tetapi ia tidak didedahkan," katanya.

Menurutnya jika benar-benar hendak diberikan royalti itu, kedudukan kawasan telaga minyak perlu diambil kira kerana ia turut meliputi kawasan perairan pantai timur yang termasuk Pahang dan Kelantan.

"Sebaliknya Terengganu sahaja yang memperolehi royalti berkenaan," katanya.

Ditanya mengenai cadangan mengadakan muzakarah antara PAS dan Umno, Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno berkata ia perlu dibuat dalam suasana yang sesuai dengan melibatkan mereka yang berfikiran terbuka, "bukannya mereka yang hanya meminta mendengar pandangan mereka sahaja."

"Jangan hanya membawa mereka yang tidak boleh menerima pandangan orang lain dan menutup telinga daripada mendengar penjelasan yang kita buat," katanya.

Ditanya mengenai permintaan beberapa syarikat swasta untuk mendapatkan lesen bagi membuka stesen radio swasta, Khalil berkata bilangan stesen radio yang ada sekarang sudah memenuhi keperluan.

"Kita ada radio agama yang dikendalikan di bawah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan jumlah stesen radio swasta yang ada sekarang sudah lebih memenuhi keperluan pendengar," katanya.

Ditanya mengenai dialog hari ini, beliau berkata ia meliputi isu-isu semasa yang berlaku di Terengganu selain bagi menerangkan mengenai beberapa perkara di peringkat nasional seperti pembukaan perkampungan hiburan (E-Village).

-- BERNAMA

sbs mai

